

Muzium Tekstil

Lokasi: Di Jalan Sultan Hishamuddin, antara Bangunan Sultan Abdul Samad di Dataran Merdeka dan Kompleks Daya Bumi

Hari Operasi: Dibuka setiap hari sepanjang tahun kecuali hari pertama Aidilfitri dan Aidiladha

Masa: 9 pagi hingga 6 petang.



Sejenak ke Muzium Tekstil

B/H 30/12/12 MSG

Oleh **Faizatul Farhana Farush Khan**
ffarhana@bharian.com.my

Muzium Tekstil Negara yang terletak bersebelahan Bangunan Sultan Abdul Samad di Jalan Sultan Hishamuddin, Kuala Lumpur memang cukup unik.

Walaupun kewujudannya



bumbung?

“Kita menyediakan pelbagai aktiviti bagi menghargai

kekayaan, kehalusan dan keindahan koleksi warisan Melayu seperti tekatan, kebaya, sarong, dan batik.



belum diketahui secara meluas, tetapi bangunan Muzium Tekstil mempunyai sejarah tersendiri. Ia dibina pada 1896 dan pernah diguna sebagai pejabat institusi atau jabatan kerajaan sekitar 1917.

Kini bangunan berusia 116 tahun itu tetap kukuh dan cantik. Tidak mahu mensia-siakan keunikan bangunan ini, kerajaan menjadikannya sebagai Muzium Tekstil pada 9 Januari 2010.

Diuruskan Jabatan Muzium Malaysia, penebuan Muzium Tekstil bertujuan meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap nilai dan etika dalam penghasilan, penggunaan serta perkembangan tekstil negara.

Pengerahnya, Janet Tee Siew Mooi, berkata muzium itu juga berfungsi sebagai pusat mengumpul, menyelidik dan memelihara artifak tekstil sama ada bagi kepentingan tempatan atau antarabangsa.

“Idea menubuhkan muzium ini dicetuskan isteri bekas Perdana Menteri, Tun Abdullah Ahmad Badawi, Allahyarham Datin Seri Endon Mahmud pada 2002 yang dikenali sebagai pencinta tekstil tempatan terutama batik bagi memupuk minat di kalangan masyarakat khususnya golongan muda, supaya lebih menghargai warisan nenek moyang.

“Dengan penubuhan muzium ini, pelancong dalam dan negara luar boleh mengenali sejarah dan keindahan tekstil negara kita secara lebih mudah dan menyeluruh ‘di bawah satu

pengunjung seperti seminar, persembahan tekstil, pertunjukan fesyen, mewarna dan mencanting batik, tenunan asas, teater serta ceramah,” katanya.

Muzium Tekstil dibahagikan kepada empat galeri pameran utama dan sebuah galeri iaitu Galeri Pohon Budi, Galeri Pelangi, Galeri Teluk Berantai, Galeri Ratna Sari dan Galeri Saindera.

Galeri Pohon Budi

Dikenali juga sebagai Galeri Pohon Hayat atau Pohon Beringin. Di sini, pengunjung boleh mengetahui sejarah kewujudan dan perkembangan tekstil negara sejak zaman pra sejarah melalui perdagangan.

Turut dipamerkan adalah peralatan, bahan dan teknik tradisional pembuatan tekstil warisan seperti songket, pua kumbu, batik, kain pis serta keringkam yang menggunakan proses tenunan, sulaman, membatik, tekatan, mengait dan hiasan manik.

Galeri Pelangi

Mempamerkan koleksi warisan tekstil etnik di Malaysia yang berwarna-warni dan kaya dengan nilai pembuatan unik masing-masing.

Antara bahan pameran menarik adalah perkembangan koleksi fesyen masyarakat Cina serta Baba dan Nyonya yang kaya dengan sulaman benang sutera, benang emas serta batik, selain tekstil etnik Sarah dan Sarawak dipenuhi kehalusan dalam pembuatan.

Galeri Teluk Berantai

Galeri ini mempamerkan

kelingkan, kain tenun, kain limar, songket, kain telepuk, kain berayat serta beberapa jenis busana masyarakat tempatan.

Bersesuaian namanya yang digunakan sebagai motif unggul dalam tenunan songket Melayu, galeri ini membawa pengunjung merasai keakraban dan penyatuan kaum Melayu dalam banyak aspek kehidupan termasuk penghasilan seni warisan tekstil.

Galeri Ratna Sari

Memperagakan pelbagai barangan kemas dan perhiasan diri etnik negara diperbuat daripada emas, perak, tembaga, manik dan tumbuh-tumbuhan termasuk mahkota, pemeleh, cucuk sanggul, dokoh, pending, gelang tangan, caping serta gelang kaki.

Lebih menarik, ia turut memperlihatkan kepakaran dan kreativiti tukang pembuatan barangan kemas serta perhiasan diri berbangsa Melayu, Cina, India, Orang Asli serta masyarakat pribumi Sabah dan Sarawak dalam menghasilkan aksesori itu yang diwarisi sehingga kini.

Galeri Saindera

Dikenali sebagai galeri sementara kerana ia digunakan untuk penganjuran pameran khas dan berkala selain aktiviti muzium.

Muzium ini turut menyediakan pusat sumber yang menghimpunkan buku dan majalah berkaitan seni tekstil tempatan serta antarabangsa, kafeteria, kedai cenderamata dan surau.